

## KATA BANTU

boleh atau dapat?

1. Azman \_\_\_\_\_ mengikuti rombongan sekolah ke Putrajaya setelah diizinkan oleh ayahnya.
2. Atlet itu \_\_\_\_\_ menamatkan larian dalam masa yang singkat.
3. Adik saya yang baru berumur 9 tahun telah \_\_\_\_\_ menunggang basikal.
4. Kita tidak \_\_\_\_\_ memandu kereta melebihi had laju yang ditetapkan di jalan ini.
5. Amalan pemakanan yang seimbang \_\_\_\_\_ mengekalkan kesihatan tubuh badan kita.
6. Laluan baru itu belum \_\_\_\_\_ digunakan lagi.

baru atau baharu?

1. Buku yang \_\_\_\_\_ dipinjamnya dari perpustakaan telah hilang.
2. Abang Azman telah berpindah ke rumah \_\_\_\_\_ yang terletak di Kota Bahru.
3. Dia \_\_\_\_\_ sahaja menyiapkan projek sains yang diberikan oleh cikgu.
4. Encik Lafie membelikan isterinya kereta \_\_\_\_\_ untuk menunaikan janjinya.
5. Ibu \_\_\_\_\_ pulang dari pasar pagi.
6. Baju \_\_\_\_\_ itu dibeli untuk kakak sebagai hadiah hari jadinya.

hendak atau mahu?

1. Saya \_\_\_\_\_ belajar dengan bersungguh-sungguh.
2. Kita \_\_\_\_\_ sentiasa menghargai sumbangan orang lain.
3. Nardia \_\_\_\_\_ ke Scotland untuk melanjutkan pelajarannya.
4. Kita \_\_\_\_\_ lah menjalankan tugas kita dengan penuh tanggungjawab.
5. Walaupun dihalang oleh ibu bapanya, Anis tetap \_\_\_\_\_ menjadi seorang penyanyi.

Harus atau mesti?

1. Para murid \_\_\_\_\_ mematuhi peraturan sekolah.
2. Kita \_\_\_\_\_ berani untuk mengakui kesalahan diri sendiri.
3. Anda \_\_\_\_\_ bertindak dengan cepatnya sebelum terlambat.
4. Ayah \_\_\_\_\_ lah sedang sibuk dengan kerjanya dipejabat.
5. Kita \_\_\_\_\_ meminta pendapat orang lain jika gagal membuat keputusan.
6. Para calon \_\_\_\_\_ lah menunjukkan kad pelajar sebelum masuk ke dewan peperiksaan.